

SULIT

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU]

TARIKH : 7 OGOS 2017

RUJUKAN : 10028

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) apakah tindakan yang telah dan bakal diambil oleh pihak Kerajaan untuk membentaras kegiatan penggerak Islamic State dan Daesh di Malaysia; dan
- (b) setakat ini, berapakah jumlah tangkapan yang telah dibuat.

SULIT

SULIT

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak termasuk individu-individu yang terlibat dengan sebarang bentuk aktiviti keganasan. Sehingga 30 Jun 2017, PDRM telah menangkap seramai 310 orang ahli kumpulan pengganas Daesh dan telah berjaya menggagalkan 15 percubaan mereka untuk melancarkan serangan sejak Februari 2013.

Mengambil kira insiden yang telah berlaku pada 28 Jun 2016 di Puchong yang telah mencederakan seramai 8 orang awam, Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah tegas secara berterusan perlu dilakukan demi menjamin kedaulatan negara terus terpelihara dan keselamatan rakyat secara amnya terus terjamin.

Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan

SULIT

SULIT

termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.

Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua

Bagi menjawab soalan (b) pula, sejak 2013 hingga 30 Jun 2017, seramai 310 orang elemen Daesh telah ditahan dengan pecahan 258 orang warganegara Malaysia dan 52 orang warganegara asing daripada 14 buah negara.

SULIT